

## **SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN:**

- i. Penyertaan terbuka kepada pelajar IPTA/IPTS.  
(Peserta boleh menyertai secara individu atau berkumpulan, tidak melebih tiga orang).
- ii. Peserta perlu mengisi Borang Pra-Pendaftaran melalui pautan yang diberi.
- iii. Webinar sesi taklimat akan disediakan tetapi bukan syarat wajib penyertaan.
- iv. Peserta perlu muat turun Borang Penyertaan Pertandingan di laman [www.contentforum.my](http://www.contentforum.my) dan perlu memuat naik video, sinopsis dan *storyboard* ke [secretariat@contentforum.my](mailto:secretariat@contentforum.my). Tajuk emel haruslah seperti berikut: **PERTANDINGAN FILEM PENDEK ANIMASI - [JUDUL ANIMASI]**.
- v. Video pertandingan akan dinilai oleh juri pertandingan yang mewakili penganjur, Persatuan Festival Seni Kreatif & TVET Malaysia (ANIFEST) dan Persatuan Pendidik Animasi Malaysia (PPAM) dan juri jemputan.
- vi. Kriteria penghakiman adalah berdasarkan ketepatan tema, keaslian karya, kreativiti, proses penghasilan serta aspek teknikal. **Keputusan adalah muktamad.**
- vii. Video pertandingan harus menggunakan bahasa Melayu yang baik dan betul.
- viii. Peserta perlu merujuk Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia sebagai panduan utama penghasilan karya. Ia boleh didapati di laman [www.contentforum.my](http://www.contentforum.my).
- ix. Gabungan cerita animasi dan grafik Informasi **dibenarkan**.
- x. Peserta berhak untuk kekal memegang hak cipta karya yang dihasilkan. Dengan menyertai pertandingan ini, peserta memberi keizinan kepada penganjur (CMCF, ANIFEST dan PPAM) untuk menyimpan, menyiarkan, mempamerkan atau mengubahsuai bagi maksud pertandingan dan promosi bahan kandungan, manakala penganjur juga memberi keizinan kepada peserta untuk menyimpan, menyiarkan atau mempamerkan sebagai portfolio hasil karya peserta dengan memberi kredit kepada penganjur dan sebaliknya. Pihak CMCF berhak berkongsi video peserta dalam media sosial rasmi CMCF tanpa sebarang tuntutan oleh peserta.

- xi. Hanya hasil karya ASLI sahaja akan diterima. Sekiranya didapati karya yang dihantar bukan karya asli, penyertaan akan dibatalkan serta-merta dan kemenangan akan ditarik balik.
- xii. Setiap karya yang dihantar mestilah karya baharu dan tidak pernah memenangi mana-mana pertandingan sebelum ini.
- xiii. Filem pendek animasi bagi pertandingan ini mestilah berdurasi antara 3 minit sehingga 5 minit sahaja, termasuk intro dan kredit.
- xiv. Format video bagi pertandingan ini mestilah MP4 HD 264 atau MKV (High Resolution).
- xv. Kos penyertaan dan penghasilan karya adalah ditanggung oleh peserta.
- xvi. Kandungan karya yang dihasilkan mestilah tidak menyentuh sensitiviti keagamaan, perkauman, politik dan sebagainya yang boleh menggugat ketenteraman atau dikategorikan sebagai menyalahi undang-undang negara Malaysia.
- xvii. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **14 Jun 2024 (5.00 petang)**. Pengajur berhak menolak sebarang penyertaan selepas tarikh dan masa ditetapkan.